

10/09/1998

Tongkah jual Asia Connect

Azli Ayob

TONGKAH Holdings Bhd (Tongkah) dalam usaha mengurangkan beban hutang, dijangka melupuskan kepentingannya dalam Asia Connect Sdn Bhd (Asia Connect) dan melihat kepada penggabungan Tongkah Electronics Sdn Bhd (Tongkah Electronics) dengan syarikat berasaskan teknologi berpangkalan di China dan Singapura.

Penggabungan Tongkah Electronics dengan dua syarikat berasaskan teknologi kerjasama China dan Singapura itu akan menyaksikan agihan kepentingan saham sama rata.

Pengerusi Eksekutif Tongkah, Mokhzani Mahathir, berkata, penggabungan Tongkah Electronics pula akan menyaksikan pembentukan entiti baru yang bakal disenaraikan di bursa saham elektronik Amerika Syarikat, Nasdaq pada suku pertama tahun depan.

"Jika diberi pilihan, kami cuba mempertahankan apa yang ada, tetapi di bawah situasi ekonomi semasa kami tiada pilihan," katanya selepas merasmikan pelancaran logo korporat baru Hospital Pantai Bhd (Hospital Pantai) di Kuala Lumpur, semalam.

Mokhzani berkata, Tongkah yang mempunyai 51 peratus kepentingan dalam Tongkah Electronics kini mempunyai jumlah hutang bernilai RM200 juta tanpa membabitkan sebarang hutang asing.

Mengenai penjualan kepentingan dalam Asia Connect, Mokhzani berkata, Tongkah sudah mengenal pasti pembeli berpotensi daripada Amerika Syarikat.

Beliau, bagaimanapun tidak menjelaskan nilai penjualan itu.

Sementara itu, menurutnya penyenaiaan Tongkah Electronics dan entiti yang bakal dibentuk di Nasdaq akan membuka peluang pasaran lebih luas kepada Tongkah meneroka pasaran Amerika Syarikat.

Tongkah Electronics menjadi penyumbang terbesar kepada perolehan Tongkah dengan perolehan tahunan bernilai lebih RM300 juta sementara keuntungan tahunannya mencecah RM25 juta.

Asia Connect adalah anak syarikat Tongkah yang terbabit dalam penyediaan rumusan Internet untuk pasaran tempatan.

(END)